

Tarikh Dibaca: 07 APRIL 2023M I 16 RAMADHAN 1444H



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“HIKMAH BULAN RAMADHAN”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



“HIKMAH BULAN RAMADHAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ
كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾¹
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita akan digolongkan dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang beroleh kejayaan di dunia dan akhirat.

¹ al-Baqarah: 183.

² ali-Imran: 102.



Di hari yang mulia ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk "**HIKMAH BULAN RAMADHAN**".

Muslimin yang berbahagia,

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 183 yang dibacakan pada awal khutbah ini bermaksud :

"Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa."

Ini jelas sekali mengingatkan kita tentang kewajipan berpuasa dan tujuan utama adalah untuk menjadikan kita hamba Allah SWT yang bertakwa dan ia merupakan masa gembira kepada orang yang beriman kerana setiap saat ada ganjaran pahala yang dijanjikan Allah SWT. Setiap hari dalam bulan Ramadhan adalah hari penuh barakah, peluang untuk menyucikan diri dan mendapat pahala daripada Allah SWT. Rasulullah SAW sendiri merasa gembira setiap kali kedatangan bulan ini dan kegembiraannya disampaikan pula kepada para sahabat Baginda.

Muslimin yang dikasihi sekalian;

Hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Salman al-Farisi Radiallahuanhu bermaksud:

"Wahai umat manusia kamu sedang dinaungi bulan Ramadhan yang besar kemuliaanya, lagi berkat. Bulan yang mengandungi satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan (Malam lailatul qadar). Bulan yang puasanya dijadikan Allah SWT satu perintah yang diwajibkan, dan selain daripada itu disunatkan solat sunat Tarawih pada malam harinya."



(Ibnu Khuzaimah).

Seterusnya Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَقَرَّبَ فِيهِ بِخَصْلَةٍ مِنَ الْخَيْرِ كَانَ كَمَنْ أَدَّى
فَرِيضَةً فِيمَا سِوَاهُ. وَمَنْ أَدَّى فَرِيضَةً فِيهِ كَانَ كَمَنْ أَدَّى
سَبْعِينَ فَرِيضَةً فِيمَا سِوَاهُ

“Sesiapa yang mendekatkan diri kepada Allah dalam bulan Ramadhan dengan sesuatu dari perkara kebajikan, samalah seperti ia mengerjakan satu perintah Allah yang diwajibkan pada bulan-bulan yang lain. Dan Sesiapa yang menunaikan satu perkara yang diwajibkan oleh Allah pada bulan itu, samalah seperti ia menunaikan tujuh puluh perkara yang diwajibkan Allah pada bulan-bulan yang lain.”

(Riwayat Ibn Khuzaimah).

Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا كَانَ أَوَّلُ لَيْلَةٍ مِنْ شَهْرِ رَمَضَانَ يُنَادِي مُنَادٍ: يَا
بَاغِيَ الْخَيْرِ أَقْبِلْ. وَيَا بَاغِيَ الشَّرِّ أَقْصِرْ. وَلِلَّهِ عُتَقَاءُ مِنَ
النَّارِ. وَذَلِكَ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ

“Apabila tiba malam pertama bulan Ramadhan seruan (dari langit) menyeru: Wahai orang yang ingin berbuat kebajikan, teruskanlah (mara berbuat kebajikan), wahai orang yang ingin berbuat kejahatan hentikanlah,



bagi Allah melepaskan ramai orang dari neraka. Seruan itu pada tiap-tiap malam."

(Riwayat al-Tirmizi).

Muslimin yang berbahagia,

Bulan Ramadhan ialah madrasah terbaik umat Islam bagi membina perubahan diri sepanjang tahun. Ramadhan yang bermatlamat takwa, asasnya keimanan kepada Allah SWT melalui ibadah utama iaitu berpuasa disiang hari dan menghidupkan malam dengan pelbagai ibadah disepanjang bulan Ramadhan adalah cara utama kita mendekati diri kepada Allah SWT dengan harapan Allah SWT menerima segala amal ibadah kita dan sangat benar janji Allah SWT untuk melipatgandakan setiap pahala yang dilakukan dan kemuncak sasarannya ialah pembersihan hati dari segala dosa yang dilakukan.

Mimbar yang mulia ingin menyatakan, inilah di antara pendekatan dan motivasi oleh Baginda SAW dalam membina keperibadian muslim sejati agar konsep pengabdian diri kepada Allah SWT dapat direalisasikan dengan sebenarnya. Oleh itu amat diharapkan agar dengan menghayati hikmah bulan Ramadhan ini sekali lagi penekanan dapat diutamakan agar mampu mendidik umat Islam untuk menjadi insan bertakwa. Takwa ialah nilai hidup berpandukan kepada penilaian dan piawaian Allah SWT.

Sepanjang bulan Ramadhan kita dilatih untuk membuat satu lonjakan daripada melakukan sesuatu amalan biasa kepada luar biasa, amalan dalam penilaian manusia kepada yang tertinggi iaitu penilaian Allah SWT. Apa sahaja perubahan yang kita ingin lakukan sama ada ianya berkaitan persoalan hidup, penampilan diri, menambah pendapatan



perlulah berasaskan kepada penilaian Allah SWT yang berteraskan nilai takwa dan iman.

Justeru, segala ibadah yang dituntut sepanjang Ramadhan perlulah dilaksanakan secara ikhlas, jujur, sabar dan berdisiplin. Oleh itu, perlu diingat bahawa segala ibadah yang dituntut pada bulan Ramadhan merupakan peluang terbaik untuk membina perubahan diri. Ingatlah, segala ibadah di bulan Ramadhan yang dilakukan dengan sempurna mampu mengawal segala kemaksiatan dunia dan dapat mendidik jiwa menjadi lebih tenang dan membentuk diri menjadi seorang hamba yang bertakwa kepada Allah SWT.

Hadirin sekalian,

Marilah sama-sama kita mengimarahkan bulan Ramadhan dalam membina ketakwaan kepada Allah SWT. Penuhilah surau-surau dan masjid dengan membawa anak-anak dan keluarga kita untuk sama-sama melaksanakan amal ibadat di sepanjang bulan Ramadhan ini. Percayalah bahawa kebersamaan kita dalam proses pengabdian diri membuatkan syaitan merasa sukar dalam menggoda manusia sehingga syaitan menjadi terbelenggu pada bulan Ramadhan. Yakinlah bahawa bagi mengimarahkan bulan Ramadhan dengan segala ibadah dan memperoleh ganjaran pahala yang ditawarkan oleh Allah SWT, maka jiwa kita hendaklah diasuh dan dilatih mendekati diri kepada Allah SWT serta bermujahadah melawan hawa nafsu.

Pada bulan Ramadhan, tugas untuk mengawal hawa nafsu dipermudahkan Allah SWT melalui latihan-latihan dan keistimewaan yang tersedia secara khusus pada bulan Ramadhan dengan melakukan amal ibadah. Kita juga dituntut memperbanyakkan amal ibadah yang lain



dengan mengisi ruang-ruang yang ada. Antaranya solat sunat Tarawih bertadarus, bersedekah, membaca al-Quran, beriktikaf, menuntut ilmu dan sebagainya. Ini penting bagi meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dalam usaha mencari keredhaan-Nya. Ingatlah, amalan wajib dan sunat pada sepanjang bulan ini merupakan latih tubi insan kepada pembersihan hati, mendisiplin anggota badan, mengukuhkan akhlak dan mencegah penyakit.

Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ
ذَنْبِهِ

“Sesiapa yang menghidupkan bulan Ramadhan (dengan ibadah) dengan penuh keimanan dan pengharapan (akan keredaan Allah), maka diampunkan dosanya yang telah lalu.”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Hadirin muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita sama menghayati dan mengambil pengajaran daripada isi kandungannya iaitu;

1. Umat Islam wajib meyakini bahawa Bulan Ramadhan adalah bulan rahmat, bulan keampunan dan bulan meningkatkan amal ibadah kepada Allah SWT.
2. Umat Islam hendaklah mengambil peluang dalam bulan Ramadhan untuk menyucikan diri dari segala dosa kecil dan besar.



Semoga selepas selesainya Ramadhan, kita bagaikan kain putih yang suci bersih dari segala kekotoran zahir dan batin.

3. Umat Islam perlu mengambil kesempatan pada bulan Ramadhan untuk memperbanyakkan doa dan amalan bersedekah kepada fakir miskin yang menjadi amalan utama baginda Rasulullah SAW di setiap bulan Ramadhan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً
طَيِّبَةً ۖ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

“Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang dia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.”

(Surah An-Nahl : 97)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا
اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ،
وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّالَةَ
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَكَوْ أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج، فِي
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.
اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga



Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ ﴿٣١﴾.



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.